


# Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil. 32 Jan-Mac 2010 | ISSN : 1675 - 2651



Pelancaran  
BUKU  
EDISI MEWAH  
UNIMAS



L9  
173  
K63  
P41.6  
Jan-Mac  
2010

helmet di kawasan  
emalangan

UNIMAS, Jepun tandatangani kontrak  
elektrifikasi tenaga solar di Sabah

Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli  
MAKUM 2010

# Wacana Ketua Editor

## *Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Yang Maha Esa, bertemu kembali dalam PERSADA Jan-Mac 2010. Tahun 2009 telahpun meninggalkan kita dengan pelbagai kenangan manis. Namun penting untuk kita terus menilai pencapaian dan kemenangan (termasuk kelemahan yang ada) untuk dijadikan pedoman dalam meniti hari sebagai warga kampus UNIMAS di masa akan datang.

Tirai PERSADA bagi tahun 2010, dimulakan dengan amanat Naib Canselor, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor UNIMAS yang menggariskan enam perkara utama dalam meningkatkan ukuran (standard) UNIMAS. Amanat yang dibentangkan di hadapan warga kerja UNIMAS pada 3 Mac lepas, adalah bertemakan "Terus Maju: Wawasan Sama, Keyakinan Baru". Majlis yang sama turut diserikan dengan pelancaran Buku Mewah terbaru terbitan Bahagian Penerbitan UNIMAS yang telah disempurnakan oleh Naib Canselor sendiri. Bertambah manis, majlis ini turut memberikan penghormatan kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan karya ilmiah kepada Penerbit UNIMAS: lebih 30 buah cek royalti hasil jualan buku telah diserahkan kepada para penulis yang hadir pada majlis tersebut. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua.

Juga sekalung tahniah diucapkan kepada barisan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS (Penggali 2009/2010) dan barisan kepimpinan Persatuan Pegawai Akademik UNIMAS yang baharu dilantik. Semoga pelantikan tersebut akan membawa inspirasi baru kepada usaha menjayakan visi dan misi UNIMAS di masa akan datang. Seperti biasa, pelbagai aktiviti turut mewarnai kampus pada awal suku tahun ini. Diharap kita akan melihat lebih banyak aktiviti diadakan pada masa akan datang. Akhir kata, sama-samalah kita berusaha dan bertekad untuk menjayakan usaha UNIMAS supaya menjadi universiti yang Cemerlang dan Gemilang.

Sekian, terima-kasih.

## Mutiara Kata

"Berfikir itu cahaya, kelalaian itu kegelapan, kejahatan itu kesesatan dan manusia yang paling hina ialah orang yang menganiaya orang bawahannya."

"Jangan mengukur kebijaksanaan seseorang hanya kerana kepandaianya berkata-kata tetapi juga perlu dinilai buah fikiran serta tingkah lakunya."

"Harta yang paling menguntungkan ialah SABAR. Teman yang paling akrab adalah AMAL. Pengawal peribadi yang paling waspada DIAM. Bahasa yang paling manis SENYUM. Dan ibadah yang paling indah tentunya KHUSYUK."

"Kecemerlangan sebenar adalah apabila anda dihentam sehingga bertekuk lutut, tetapi mampu melantun kembali."

# Editorial

## Penasihat

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid  
Prof Dr Fatimah binti Abang  
Prof Dr Peter Songan  
Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman  
Encik Ahmad bin Katang

## Ketua editor

Resni Mona

## Sidang Editorial

Rabiah Bujang  
Norinda K. Su'ut  
Sarena Haidir  
Erwandi Bujang Senawi

## Pereka

Haidher Ahmad

## Jurufoto

Hj Bujang Mohamad

## Edaran

Roderick Rajis

## Penerbit

Bahagian Penerbitan  
Aras 5  
Bangunan CAUH  
Universiti Malaysia Sarawak

# UNIMAS Sasarkan Kecemerlangan Dalam Tahun 2010

Tema: **“Terus Maju: Wawasan Sama, Keyakinan Baru”**  
(*“Moving Ahead: Same Vision, New Conviction”*)



*“...kita tidak lagi boleh dianggap sebagai sebuah “universiti baru” dalam konteks pembangunan pengajian tinggi di negara ini. Kita sekarang tergolong dalam kumpulan “universiti membangun” (developing universities) yang mana persaingan bukan lagi satu pilihan, tetapi satu realiti.”*

*Prof Dr Khairuddin Ab. Hamid.*

Enam perkara menjadi fokus utama UNIMAS tahun ini iaitu

- (a) tadbir urus yang baik,
- (b) memperkasa program akademik,
- (c) penyelidikan dan inovasi berfokus,
- (d) pengantarabangsaan,
- (e) pembangunan sumber manusia dan
- (f) pembangunan kampus.

Naib Canselor, Prof Dr Khairuddin Ab. Hamid dalam amanatnya semasa Majlis Amanat Bersama Naib Canselor pada 3 Mac 2010 memberitahu pemfokusan itu sebagai titik tolak UNIMAS untuk memulakan proses transformasi yang jelas dan sistematik dalam menyokong Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Wawasan 2020 dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini.

“ Dalam mengejar pendidikan yang cemerlang, kita tidak dapat bertolak ansur dengan kualiti, ketepatan dan jangkauan.”

“Perjalanan kita masih jauh dan banyak cabaran. Saya percaya jika kita bekerjasama, kita akan mencapai impian kita lebih awal dari jangkauan,”

Antara kata-kata yang diucapkan semasa semasa amanat beliau.

Antara fokus UNIMAS yang terselit dalam enam perkara itu ialah melebarkan pematuhan persijilan ISO ke seberapa banyak Pusat Tanggungjawab, meningkatkan penggunaan teknologi, meningkatkan jumlah enrolmen pelajar kepada 12,000 pada tahun 2015, menubuhkan pusat penyelidikan SCORE-UNIMAS di Mukah, mewujudkan radio kampus, menetapkan sasaran 40 peratus pemegang PhD di kalangan pensyarah UNIMAS pada tahun 2012, mewujudkan cuti belajar khas UNIMAS berjumlah RM10 juta, menyiapkan projek kompleks sukan dan rekreasi, pusat islam dan sebagainya.

## Pelancaran Buku Edisi Mewah UNIMAS dan Pembayaran Cek Royalti



Dalam majlis yang sama, Prof Dr Khairuddin juga telah melancarkan Buku Edisi Mewah (Coffee Table Book) UNIMAS yang bertajuk ‘Vision of Excellence’ yang diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan UNIMAS @ Penerbit UNIMAS. Turut diraikan adalah para penulis yang telah menerbit bersama Penerbit UNIMAS (sebahagian besarnya dari kalangan ahli akademik UNIMAS) apabila beliau dengan berbesar hati telah menyerahkan cek-cek royalti yang disediakan oleh Bahagian Penerbitan UNIMAS kepada penulis-penulis buku yang hadir dalam majlis tersebut.

# UNIMAS meterai MoU dengan FUDA



Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UNIMAS telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Hospital Kanser FUDA dari negara China pada 5 Februari lepas. Berucap pada majlis tersebut, Dekan Fakulti FPSK, Tan Sri Prof Datu Hj Dr Mohd Taha Ariff telah menjelaskan bahawa MoU bersama dengan Hospital Fuda dari Negara China itu bertujuan untuk menjalin kerjasama pertukaran pelajar UNIMAS ke FUDA bagi menjalani program insentif selama lima minggu secara percuma. FUDA turut memanjangkan tawaran mereka untuk menaja seorang wakil UNIMAS bagi menyertai seminar perubatan antarabangsa di China pada 1 Mei hadapan.

Dr Mohd Taha Ariff turut memaklumkan bahawa sejak fakulti itu ditubuhkan pada sebelas tahun lepas, jumlah pelajar yang berjaya dilahirkan lebih 600 orang. Dan UNIMAS dijangka akan menerima kemasukan pelajar yang lebih ramai untuk Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) apabila bangunan fakulti itu siap dibina di Kota Samarahan pada pertengahan tahun hadapan.

## UNIMAS/Limkokwing University of Creative Technology **Bergabung Kaji Teknologi Baru**



UNIMAS terus mengorak langkah dengan mengadakan perjanjian persefahaman bersama Limkokwing University of Creative Technology, bagi tujuan mengkaji dan membangunkan teknologi Augmented Reality (AR). Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) yang berlangsung pada 25 Februari lepas menyaksikan perjanjian membangunkan AR yang dapat digunakan untuk menjana data computer untuk aplikasi dunia sebenar dalam pendidikan, hiburan, ketenteraan dan perkhidmatan kecemasan.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid memberitahu UNIMAS merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan di dalam bidang kepintaran artifisial. “Kita sekarang ini telah mempunyai Jabatan Kepintaran Artifisial di tiga buah fakulti berbeza,” sambungnya lagi. Pihak Limkokwing, yang diwakili oleh Presidennya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Lim Kok Wing akan melakukan kajian pengguna, mencipta kandungan dan membangunkan aplikasi pengguna.

## Delegasi Universiti Meiji, Jepun, Kunjungi UNIMAS

Delegasi dari Universiti Meiji, Jepun telah melakukan kunjungan ke UNIMAS pada 2 Februari lepas untuk meneruskan jalinan persahabatan di antara dua universiti di rantau ini. Delegasi tersebut diketuai oleh Prof. Osamu Ono, Assoc. Prof. Dr. Sotaro Shimada dan Dr. Kazayuki Morioka dan wakil dari ‘Department of Electronics and Bioinformatics, School of Science and Technology’.

Kunjungan tersebut antara lain menyentuh kajian bersama antara UNIMAS dan Meiji dalam bidang tertentu seperti pengajaran, penyelidikan dan pemahaman budaya, sepertimana yang dipersetujui dalam perjanjian persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara mereka pada bulan Disember 2007. Delegasi turut melakukan kunjungan ke pejabat Naib Canselor UNIMAS dan dalam kunjungan itu, Prof Dr Khairuddin turut mencadangkan penubuhan makmal kajian UNIMAS dan Universiti Meiji.

# Akreditasi Cermin Budaya Kerja Berkualiti: Prof.Dr.Khairuddin Ab. Hamid



Sebanyak 26 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah menyertai program 'Clinic to guide the preparation of application documents for provisional accreditation and full accreditation' (COPPA) pada 6 Januari lepas bertempat di auditorium PKMA, UNIMAS. Program anjuran bersama di antara Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan 'Malaysian Qualification Framework' (MQA) merupakan yang pertama diadakan di Sarawak dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada wakil IPTA/IPTS berhubung pematuhan standard akreditasi yang ditetapkan.

Naib Canselor UNIMAS, Prof.Dr.Khairuddin Ab.Hamid semasa berucap pada majlis perasmian memberitahu standard akreditasi mencerminkan budaya kerja yang baik dan terurus di IPT. Menurut

beliau, kebanyakan sistem yang diguna-pakai di peringkat IPT adalah berkaitan kualiti sama ada menjurus kepada kepentingan warga kerja atau penuntut IPT itu sendiri. "Ia bukan sekadar berkaitan pematuhan standard akreditasi tetapi budaya kerja kita di peringkat IPT masing-masing," sambungnya lagi.

Dalam program tersebut, dua kertas kerja telah dibentangkan bertajuk program standard dan tatacara permohonan 'Provisional Accreditation and Full Accreditation' oleh Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti MQA, Encik Balakrishnan Vassu dan pegawai MQA, Encik Vikneswaran Gopal.

Terdapat sembilan tanda aras bagi COPPA dari MQA dan tugas mengakreditasi semua program yang ditawarkan di IPT di negara ini akan bermula pada tahun 2011.



## Pencegahan Dadah Peringkat KPT, Zon Sarawak di UNIMAS

UNIMAS dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia telah menganjurkan Program Pencegahan Dadah Peringkat KPT, Zon Sarawak pada 30 Januari 2010 di Dewan Kuliah, Centre for Teaching & Learning Facilities (CTF 1), Kampus Barat, UNIMAS.

Program selama satu hari itu telah dihadiri oleh seramai 120 orang pelajar dari enam Institut Pengajian Tinggi antaranya UNIMAS, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Samarahan, Kolej Komuniti (Cawangan Santubong), Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS), Universiti Tun Abdul Razak (UniTAR), dan Kolej Twintech Sarawak.

Majlis perasmian telah dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil B Abdul Rahman. Program yang dibahagi kepada dua

slot itu, telah diisi dengan pelbagai acara sampingan seperti persembahan tarian, ceramah dan pameran dari pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta forum 'Mahasiswa Benci Dadah'. Ceramah telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Antidadah di AADK Daerah Kuching, Encik Sudirman Bahiri manakala forum disampaikan dua ahli panel iaitu Pegawai Unit Pemulihan di Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN), Mohd. Azman Nazir Serail dan wakil dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ustaz Mohammad Zamri Hussin.

Antara objektif program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi tentang apa itu dadah melalui pameran interaktif serta memberi pengetahuan asas tentang kesan-kesan pelbagai jenis dadah dalam kehidupan.

# Penggunaan Helmet di Kawasan Kampus Elak Kemalangan: Datuk Abdul Rahim Bakri



Sebanyak 300 buah helmet telah diedarkan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Sarawak (JKJR) kepada pelajar IPTA semasa perasmian Kempen Pemakaian Helmet Peringkat IPTA 2010 yang diadakan di UNIMAS pada 19 Mac lepas. Kempen berkenaan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, Datuk Abdul Rahim Bakri. Dalam ucapannya, beliau berharap semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing dalam membantu kerajaan mempromosi kempen keselamatan jalan raya. Tambah beliau, meskipun penggunaan helmet di kawasan kampus bukan satu

isu yang serius, tetapi jika berlaku kemalangan membabitkan pelajar, maka pihak luar pasti menuding jari kepada kerajaan dan IPT itu sendiri.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil B Abdul Rahman dalam ucapan ringkasnya berharap kempen berkenaan dapat menyedarkan pelajar IPTA tentang kepentingan pemakaian helmet untuk keselamatan diri. Beliau berkata, penguatkuasaan dari pihak berkuasa bukanlah bertujuan menyusahkan orang ramai tetapi sebagai menyedarkan mereka akan bahaya jika tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan.



## Kempen Derma Darah Pupuk Kesedaran Semua



Kempen derma darah anjuran Pusat Kesihatan Pelajar UNIMAS dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Jabatan Patologi, Hospital Umum Sarawak mendapat sambutan yang amat mengalakkan daripada orang ramai termasuk pelajar dan staf UNIMAS.

Kempen yang bertemakan 'Setitik Darah Boleh Menyelamat Nyawa' itu telah diadakan selama dua hari bermula 10 Mac lepas dan berjaya menarik 136 orang sukarelawan yang terpilih untuk menderma darah.

Awal daripada itu, pada 8 Mac turut diadakan Forum Derma Darah Tanggungjawab Bersama yang turut mendapat sokongan daripada JPK TAZ Unimas. Program tersebut diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim dikalangan pelajar selain memupuk sifat prihatin dan penyayang serta sedia-bantu pelajar UNIMAS terhadap golongan yang memerlukan.

Adalah diharap dengan adanya kempen sedemikian, akan dapat menerapkan kesedaran, kepentingan dan kebaikan menderma darah dikalangan warga kampus.



# UNIMAS, Jepun tandatangani kontrak elektrifikasi tenaga solar di Sabah



Dalam satu majlis menandatangani geran kontrak yang berlangsung pada 10 Mac lepas, kerajaan Jepun telah memberi geran tambahan sebanyak RM172,190.93 untuk projek elektrifikasi tenaga solar di kepulauan Pantai Timur Sabah kepada UNIMAS. Dalam majlis menandatangani geran tambahan tersebut, pihak Jepun telah diwakili oleh Masashi Kono, Konsulat Jeneral Jepun di Sabah dan F.T.Labuan manakala UNIMAS diwakili oleh Naib Canselor, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid.

Geran tersebut akan digunakan bagi penubuhan sistem elektrifikasi tenaga solar di Pulau Larapan berhampiran Semporna, Sabah dalam usaha untuk meningkatkan kondisi kehidupan masyarakat di kepulauan berkenaan. Geran dibawah Projek Keselamatan Manusia (GGP) itu telah mendapat sokongan dari banyak Badan Bukan Kerajaan dan Kerajaan Negeri sendiri.



## Pelajar sekolah sertai Program Webcam Pangaea @ UNIMAS

Tiga ratus pelajar di tiga buah sekolah sekitar Kota Samarahan berpeluang mengadakan tele-persidangan bersama kanak-kanak di Mie Universiti Jepun, menerusi Program Webcam Pangaea@UNIMAS, pada 6 Februari lepas. Program yang bertujuan memperkenalkan konsep International Digital Playground yang dibina khas untuk kanak-kanak mengenali konsep muhibah bangsa, budaya dan bahasa dunia sejagat itu telah dirasmikan oleh Naib Canselor UNIMAS Professor Dr Khairuddin Ab Hamid.

Fasilitator yang terdiri daripada para

pelajar jurusan Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan Sains Komputer telah mengendalikan program tersebut yang turut menyediakan pelbagai permainan antara kumpulan kanak-kanak ini yang menjurus kepada memberi pendedahan kepada konsep pembinaan sendiri, komunikasi antara budaya dan bahasa. Program tersebut yang diadakan di Makmal CoERI (Centre for Excellence in Rural Informatics), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, merupakan kolaborasi di antara UNIMAS dan pihak NPO Pangaea di Jepun.

Program pendidikan itu dikhaskan untuk kanak-kanak berusia antara 9 sehingga 15 tahun dan ia pernah diadakan di pelbagai negara lain, seperti Jepun, Korea, Kenya dan Austria. Malaysia adalah destinasi ke-lima Pangaea, dan ia merupakan lokasi pertama di Asia Tenggara. Sebelum itu, program yang sama telah diperkenalkan kepada kanak-kanak sekolah di Bario. Seramai 20 orang pelajar sekolah di Bario telah dipilih untuk menyertai program ini yang telah diadakan pada 30 Januari 2010.

# UNIMAS terima sepuluh biasiswa dari Yayasan Jeong Yohan



Seorang suami isteri dari Korea Selatan yang kehilangan anak lelaki mereka dalam satu kejadian lemas pada bulan Januari lepas, telah menawarkan sepuluh biasiswa pendidikan kepada UNIMAS. Profesor Jeong Kaekyu, seorang pakar sejarah dari sebuah universiti di Korea Selatan telah datang ke Sarawak bersama isterinya untuk menyerahkan biasiswa dari Yayasan Jeong Yohan kepada UNIMAS pada 3 Februari lepas.

Biasiswa tersebut sebagai mengingati mendiang anak mereka, Jeong Yohan yang terkorban bersama rakannya Kim Seong Hyun, 20, semasa cuba menyelamatkan kawan perempuan mereka yang hampir lemas di sebuah pusat peranginan di negeri ini. Biasiswa tersebut akan diberikan kepada pelajar UNIMAS dari keluarga miskin dan kurang berkemampuan untuk meneruskan pengajian di universiti ini.

## Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT Sarawak 2010 Di Simunjan

Lima buah kampung di Simunjan dipilih sebagai keluarga angkat bagi Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT (RMWD IPT) yang disertai oleh 37 orang pelajar dari pelbagai fakulti dan dua pegawai pengiring UNIMAS pada 12 hingga 14 Mac lepas. Antara kampung yang terlibat ialah Kampung

Nanas, Kampung Sabun, Kampung Hijrah, Kampung Kelka dan Kampung Sageng Program. Majlis penutupan dan penyerahan anak angkat telah disempurnakan oleh Menteri Muda Pembangunan Usahawan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Simunjan, Tuan Haji Mohd Naroden bin Haji Majais.



## UNIMAS anjur program **bersama komuniti** besar-besaran

Lapan buah fakulti di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah bergabung menjayakan program UNIMAS Bersama Komuniti yang bertempat di Pusat Membeli Belah, The Spring, selama dua hari bermula 15 hingga 17 Januari lepas. Tujuan program berkenaan diadakan adalah sejajar dengan hasrat UNIMAS untuk berjumpa dengan masyarakat serta membawa masyarakat mengenali UNIMAS secara lebih dekat lagi.

Ia sekaligus memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetahui peranan sebenar UNIMAS diwujudkan dan mendapatkan informasi terperinci mengenai program-program akademik yang ditawarkan itu sendiri dan peluang-peluang yang sedia ada. Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik telah diadakan seperti khidmat bimbingan, kaunseling secara bersemuka, kaunseling kerjaya, pameran pendidikan dan bermacam-macam lagi.

Peluang tersebut turut diambil oleh UNIMAS untuk memperkenalkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan seperti kolej kediaman pelajar, perpustakaan, koperasi, bilik kuliah yang lengkap dengan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan untuk aktiviti pelajar bersukan dan berpersatuan. Turut dibuka beberapa buah pondok yang mempamerkan hasil-hasil penyelidikan yang telah memenangi pingat emas semasa pertandingan diperingkat antarabangsa.



# Karnival PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2010

## Karnival Pengajian Tinggi Negara 2010 Jom Masuk “U” tarik ribuan pelajar

Kementerian Pengajian Tinggi Negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah menganjurkan ‘Karnival Pengajian Tinggi Negara 2010 Jom Masuk “U” yang bertemakan “1 Malaysia: Pendidikan untuk semua”, pada 20-21 Februari 2010 di Pusat Pameran Permata Kuching. Antara peserta yang terlibat adalah IPTA, IPTS, Politeknik serta institusi latihan lain yang tidak melepaskan peluang untuk menwar-warkan kursus yang ditawarkan oleh institusi pengajian masing-masing kepada pelajar lepasan SPM dan STPM.

Karnival itu yang telah dimulai sejak tahun 2005 bertujuan untuk mendidik dan memberi maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi di Malaysia termasuk cara untuk memohon biasiswa dan pinjaman pendidikan. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang karnival itu adalah pameran pendidikan, informasi kemasukan serta forum.

# IBEC Turun Padang, Beri Pendedahan Tentang Projek Ikan Lumba-Lumba

Institut Perlindungan Alam Sekitar dan Biodiversiti (IBEC) UNIMAS, telah berkunjung ke kampung Sambir, Asajaya untuk penganjuran majlis Projek Ikan Lumba-Lumba pada 20 Februari lepas. Lebih seratus orang pelajar sekolah dan penduduk sekitar Kampung Sambir telah menghadiri taklimat dari wakil IBEC yang menyentuh tentang biologi dan ekologi ikan lumba-lumba serta keputusan terkini kajian projek yang telah dijalankan lebih 18 bulan itu.

Dalam taklimat tersebut, pelajar dan penduduk kampung telah diberi pendedahan mengenai kepentingan melindungi ikan lumba-lumba. Para pelajar turut diberi peluang menunjukkan bakat dalam pertandingan melukis ikan lumba-lumba mengikut kreativiti masing-masing.

Lanjutan daripada itu, bulan Mac turut menyaksikan dua pelajar dari Hong Kong ditaja oleh 'Ocean Park Conservation Foundation' untuk menyertai projek ikan lumba-lumba selama sepuluh hari di sini. Program mereka termasuk mempelajari kajian projek berkenaan dan tatacara analisis, survei menggunakan bot selama lima hari ke Santubong, Salak, Bako dan Muara Tebas serta melawat tempat pelancongan seperti Pusat Hidupan Liar Semenggoh dan Kampung Budaya Sarawak.



# Kumpulan Feng UNIMAS Menang RM20,000



**K**umpulan Feng dari UNIMAS berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM20,000, selepas memenangi hadiah utama bagi kategori 'Tropikal Challenge'

pada 'Digi Deep Green Challenge for Change' anjuran syarikat telekomunikasi Digi. Hadir menyampaikan anugerah berkenaan ialah Putera Mahkota Haakon dari Norway dan isterinya, Puteri Mahkota Mette-Marit yang dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia.

Turut hadir dalam majlis penyampaian anugerah ialah Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Joseph Galang Gandum dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup serta Pengerusi Digi.com Berhad, Sigve Brekke. Cabaran Digi Deep Green Challenge tersebut telah diadakan selama enam bulan dan tamat pada 9 Mac lepas. Ia bertujuan untuk memberi inspirasi kepada generasi muda di Malaysia bagi melakukan penemuan baru yang bermakna dan inovatif dalam penyelesaian tenaga yang boleh diperbaharui. Kumpulan Feng, UNIMAS telah memilih Kampung Semulong, Sarawak sebagai tempat kajian projek sistem hidro mikro mereka.

# Periuk Kera Ajaib di UNIMAS



**P**anggung Eksperimen, UNIMAS, bergegar dengan pementasan teater bangsawan bertajuk 'Periuk Kera Ajaib' selama dua hari bermula 27 hingga 28 Februari lepas. Teater yang merupakan hasil karya dan arahan Dr Nur Afifah Vanitha Abdullah telah dijayakan oleh 16 orang pelakon, 50 orang penari extra turn dan 40 orang krew terdiri dari pihak artistik dan produksi.

Dengan kemasukan percuma, pementasan teater itu ternyata

berjaya menarik ramai pengunjung sepanjang dua hari pementasan dibuat. Dengan bertemakan kemanusiaan dan keharmonian, teater tersebut merupakan hasil penyelidikan Dr Nur Afifah Vanitha Abdullah yang bertajuk 'Intervensi Teknologi Dalam Pemeliharaan Teater Bangsawan'. Antara aspek menarik dalam pementasan teater ini adalah pemilihan pentas thrust untuk mementaskan bangsawan yang sinonim dengan pentas berbentuk proscenium dan pengkelan format asas bangsawan seperti 'tasmat' dan 'lagu tarik nasib'.

# Pesta Ponggal UNIMAS Selit Semangat Perpaduan

Pesta Ponggal yang merupakan amalan tradisi masyarakat India telah disambut dengan meriah oleh warga UNIMAS pada 13 Mac lepas. Pesta Ponggal 2010 kali ini telah dianjurkan oleh pelajar tahun satu program Sains Sosial UNIMAS dan diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian kebudayaan masyarakat India. Turut diselitkan ialah penyampaian cek kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Mambong berjumlah RM4,000 kepada Pengerusi PPDK Mambong, Prof Dr Ernest Cyrill DeRun.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid semasa merasmikan pesta tersebut berharap penganjuran pesta itu dapat menjadi wadah penyatuan masyarakat dan pelajar UNIMAS sendiri. Ini kerana, kata beliau, semangat bersatu-padu yang ditunjukkan dalam Pesta Ponggal, merupakan intipati kepada kejayaan individu dan Negara ini.



## UNIMAS TUAN RUMAH IPTA MASKUM KENYALANG 2010



Buat julung kalinya, UNIMAS diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah untuk bengkel Sukarelawan IPTA MASKUM Kenyalang 2010, yang telah diadakan pada 6 Februari lepas bertempat di Aras G, Bangunan Hal Ehwal Pelajar

& Alumni (BHEPA). Bengkel Sukarelawan IPTA MASKUM Kenyalang 2010, telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (TNC HEPA), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof Wan Mahzom Bt Ahmad Shah.

Bengkel tersebut merupakan anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis Sukarelawan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM) dan IPTA Zon Sarawak. Majlis perasmian turut

dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil Abd Rahman, Dekan Pusat Pemajuan Pelajar UNIMAS, Pegawai-pegawai MASKUM, Pegawai-pegawai pengiring IPTA, Pegawai-pegawai serta staf UNIMAS dan para peserta yang menyertai Bengkel Sukarelawan IPTA MASKUM Kenyalang 2010.





## Pesta Tahun Baru Cina disambut meriah di UNIMAS

Seramai lebih 650 orang terdiri dari pelajar dan pensyarah telah memeriahkan Pesta Tahun Baru Cina (TBC) 2010 Peringkat UNIMAS yang disambut pada 6 Februari lepas bertempat di Dewan UNIMAS, Kampus Timur UNIMAS, Kota Samarahan. Pesta tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil Abd Rahman.

Tujuan pesta itu diadakan adalah untuk meraikan perayaan Tahun Baru Cina serta mempromosi nilai-nilai tradisi kebudayaan masyarakat Cina Malaysia di kalangan warga UNIMAS. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggerakkan persefahaman dan perpaduan antara kaum di UNIMAS serta melahirkan pelajar yang mahir dalam pengurusan acara majlis, berdikari, berpengalaman dan kompeten dalam segala bidang. Antara aktiviti yang diselitkan di dalam pesta tersebut ialah persembahan gendang, tarian naga, tarian singa, persembahan nyanyian, tarian kanak-kanak, persembahan yoyo Cina dan drama.

# MPP dinasihat supaya menyemai semangat berpasukan



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baharu dilantik bagi penggal 2009/2010 dinasihat supaya menyemai semangat berpasukan semasa menjalankan tugas dan amanah yang diberikan. Naib Canselor, Prof. Dr. Khairuddin Ab. Hamid dalam ucapannya semasa majlis angkat sumpah ahli MPP baru pada 2 Februari lepas turut menasihati MPP supaya sentiasa mengamalkan musyarakah dalam menyelesaikan masalah.

Dalam pemilihan MPP kali ini, UNIMAS mencipta sejarah tersendiri apabila memperkenalkan penggunaan E-Voting yang membolehkan pelajar mengundi secara elektronik. Sistem tersebut telah dibangunkan oleh Pusat Khidmat teknologi Maklumat dan Komunikasi, UNIMAS.

## TAHNIAH KEPADA AHLI MPP UNIMAS BAGI PENGGAL 2009/2010

Berikut ialah senarai ahli MPP baru semasa majlis angkat sumpah pada 2 Februari 2010 di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1, Rumah Universiti, Kampus Barat, UNIMAS.

Nama /Jawatan	Jawatan
Mohammad Hasbullah bin Md Najib	Yang Di-Pertua
Muhammad Ezral bin Ghazali	Naib Yang Di-Pertua
Miana Binti Mohd Zainal	Setiausaha Agung
Wong How Chu	Bendahari Kehormat
Christopher Grenaga ak Paul Mpadai	Exco Aduan & Kebajikan
Zait Aivian Yue Bt. Yacub	Exco Akademik, Kerjaya & Keusahawanan
Mohd Shafiee bin Edmund	Exco Kemudahan & Keselamatan
Ibi Gibreson ak Manggie	Exco Perhubungan Awam & Antarabangsa
Emma binti Mat Tahar	Exco Kesenian, Kebudayaan & Perpaduan
Mohd Shahrul Izzuan bin Mohd Shah	Exco Pembangunan Rohani, Sahsia & Protokol
Ahmad Husaini Bin Jasman	Exco Publisiti & Multimedia
Asyraf Ahamed bin Basheer Ahamad	Exco Sukan & Rekreasi

# Dr Mohd Faisal Ketua Barisan Baru PPAU

Dr Mohd Faisal Syam Abdol Hazis dari Fakulti Sains Sosial telah dilantik sebagai Presiden bagi barisan baru dalam mesyuarat Agung Tahunan Ke7, Majlis Eksekutif Persatuan Pegawai Akademik UNIMAS (PPAU) 2009/2010 pada 3 Mac lepas. Jawatan bagi Timbalan Presiden disandang oleh Prof Madya Dr Kamaruddin Kana dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Setiausaha disandang oleh Azaima Razali dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Turut dilantik adalah Siti Haslina Hussin dari Fakulti Sains Sosial sebagai Timbalan Setiausaha dan Ng Giap Weng dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai Bendahari.

Enam lagi menyandang jawatan ahli Exco iaitu Jamilah Maliki (Fakulti Sains Sosial), Dr. Mohd Shahril Osman (Fakulti Kejuruteraan), Dr Nur Afifah (Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif), Rohaya (Fakulti Ekonomi dan Perniagaan), Samuel Lihan (Fakulti Sains dan Teknologi Sumber), dan Dr Sopian Bujang – (Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia). Dua orang lagi dilantik sebagai juruaudit dalaman iaitu Connie Lim Keh Nie – (Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif) dan Dr Hairul Azman @ Amir Hamzah Roslan (Fakulti Sains dan Teknologi Sumber).

## Pelajar FSGK Harum Nama UNIMAS di FFVPM7

Dua pelajar dari Fakulti Sains Gunaan dan Kreatif (FSGK) mengharumkan nama UNIMAS selepas memenangi tempat pada Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia Ke-7 (FFVPM7), yang diadakan pada 14 hingga 16 Januari di Universiti Malaysia Perlis. Noorazrin bt Mohd Peridar telah memenangi tempat kedua bagi kategori filem/video eksperimental dengan penyertaan bertajuk 'Cahaya' manakala Izwan Masnan memenangi kategori muzik khas dengan penyertaan bertajuk 'It Ain't Over Till Over'.

Norazrin, semasa ditemuramah oleh PERSADA memberitahu

kejayaan mereka merupakan hasil kerjasama ramai pihak termasuk pihak pensyarah dan rakan-rakan UNIMAS lain. Beliau telah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM800 dan sijil penyertaan manakala Izwan memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM500 dan sijil penyertaan. Antara lain, matlamat FFVPM7 ialah untuk memupuk sikap keterbukaan dan bertanggungjawab dalam merancang penerapan nilai budaya, warisan bangsa dan sejarah Malaysia serta mengukuhkan kefahaman sosio-budaya bangsa Malaysia sebagai menjamin pendidikan perfileman negara.

## Kontinjen UNIMAS Raih Naib Juara



Meskipun hanya menjulang tangga naib juara namun kontinjen UNIMAS berpuas hati kerana telah mempamerkan semangat juang dan kerja berpasukan tinggi di dalam Kejohanan Sukan Air Jemputan IPT Borneo 2010, yang berlangsung di Kampus Barat, UNIMAS. Dengan kedudukan

pungutan mata sebanyak 90 markah, pasukan UNIMAS terpaksa akur dengan kehebatan Universiti Teknologi Mara Shah Alam (UiTMSA) yang mengondol gelaran juara.

Kejohanan tersebut yang diadakan selama dua hari itu telah menyaksikan pertandingan bagi dua acara iaitu TK200M dan TK500M bagi perseorangan lelaki, perseorangan wanita, beregu lelaki, beregu Wanita dan beregu campuran. Kejohanan anjuran Unit Sukan, Pusat Pemajuan pelajar, Hal Ehwal pelajar dan Alumni dengan kerjasama Persatuan Kenu Sarawak (PEKESA) Kelab Kayak & Kelab mendayung UNIMAS itu telah disertai oleh tujuh buah pasukan yang terdiri daripada UNIMAS, UMS, UiTM Shah Alam, Politeknik Kuching, UiTM Kampus Samarahan, Universiti Teknologi Swinburne (Kuching) dan Kolej PTPL. Majlis penyampaian hadiah dan penutupan pertandingan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Mohd Fadzil Abd Rahman.

# Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010



Lagu Pantun Budi membawa tuah kepada Cik Norfazillah Ibrahim apabila muncul sebagai naib johan wanita dan pemenang persembahan terbaik (kedua-dua kategori wanita) dalam pertandingan nyanyian lagu Melayu Asli MAKUM 2010. Beliau yang mewakili UNIMAS telah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM400, piala dan sijil bagi kedua-dua kemenangan dalam pertandingan berkenaan yang diadakan di dewan UNIMAS pada 22 hingga 23 Februari lepas. Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Naib Canselor, UNIMAS, Prof. Dr. Khairuddin Ab. Hamid.

MAKUM 2010 kali ini menyaksikan penyertaan tujuh belas IPTA di negara ini dan telah dianjurkan dengan kerjasama di antara UNIMAS, MAKUM, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Budaya dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ia bertujuan untuk mencungkil bakat baru di kalangan pelajar dalam bidang kesenian dan juga bertujuan untuk mengajak generasi muda untuk menghayati keindahan seni warisan zaman berzaman agar tidak luput ditelan zaman serta mengeratkan silaturahmi di kalangan para pelajar IPTA.





## Senarai Pemenang Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010

Johan Keseluruhan	Nama Peserta	Hadiah
Universiti Teknologi Mara	Muhammad Hilmi Idris Lagu : Embun Menitik  Nurfarhana Binti Abu Bakar Lagu: Tari Tualang Tiga	Wang Tunai RM1,000.00 Piala Pusingan Piala Iringan dan Sijil
Johan (Lelaki/Wanita)	Fazli Bin Awang (UUM) Lagu: Laila Manja  Harlinah Binti Mat Salleh (UPSI) Lagu: Ketawalah lagi (Songkok Mereng)	Wang Tunai RM500.00 Piala Iringan Sijil
Naib Johan (Lelaki/Wanita)	Muhammad Hilmi Idris (UiTM) Lagu: Embun Menitik  Norfazillah Ibrahim (UNIMAS) Lagu: Pantun Budi	Wang Tunai RM300.00 Piala Iringan Sijil
Tempat Ketiga (Lelaki/Wanita)	Shahrizal Bin Hashim (UTeM) Lagu: Mas Merah Mardiana Bt. Alwi (UM) Lagu: Sireh Pinang	Wang Tunai RM200.00 Piala Iringan Sijil
Kostum Terbaik (Lelaki/Wanita)	Muhammad Hakim Mohd Nor (UPM) Lagu: Mas Merah  Harlinah Binti Mat Salleh (UPSI) Lagu: Ketawalah Lagi (Songkok Mereng)	Wang tunai RM100.00 Piala Iringan Sijil
Persembahan Terbaik (Lelaki/Wanita)	Fazli Bin Awang (UUM) Lagu: Laila Manja  Norfazillah Ibrahim (UNIMAS) Lagu: Pantun Budi	Wang tunai RM100.00 Piala Iringan Sijil
Saguhati Penyertaan	Untuk semua peserta	Piala iringan dan sijil

“Terus Maju: Wawasan Sama, Keyakinan Baru”  
 (“Moving Ahead: Same Vision, New Conviction”)

## ENAM INTIPATI AMANAT 2010 NAIB CANSOLOR UNIMAS





Bahagian Penerbitan  
Aras 5  
Bangunan CAUH  
Universiti Malaysia Sarawak